



Pemain Piala Presiden Johor mengasak sehingga mengakibatkan pasukan Pilihan Pelajar UTHM terpaksa bertahan.

## Skwad Piala Presiden Johor tunjuk taring

**BATUPAHAT** – Skwad Piala Presiden Johor berjaya membenam pasukan Pilihan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam satu perlawanan persahabatan yang diadakan di Stadium Mini UTHM, petang semalam.

Perlawanan yang nampak seimbang pada separuh masa pertama dikejutkan dengan satu jaringan gol pada minit ke-17 oleh pemain bernombor 11 pasukan berkenaan, Muhamad Azlan Mohd Zain.

Dalam perlawanan yang berkesudahan enam

gol tanpa balas itu memperlihatkan Skwad Muda Johor terus mengasak dan mengambil kesempatan terhadap pasukan UTHM di separuh masa kedua dengan menambah lima gol lagi setelah pasukan itu menunjukkan aksi hambar kerana keletihan.

Gol terbabit dijaringkan oleh Naim Nazmi Zainuddin minit ke 65, Aikal Aiman Azlam minit 69 dan 73, Mohd Nizam Abd Rahman minit 71, serta gol terakhir berjaya dilakukan seminit sebelum perlawanan tamat yang dijaringkan oleh Che Rashid Che Halim.